ANUGERAH KECEMERLANGAN INDUSTRI & MASYARAKAT

LAMPIRAN A1

:: PANDUAN PORTFOLIO ::

BAGI ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI/ MASYARAKAT
(STAF AKADEMIK ATAU STAF BUKAN AKADEMIK)

DISEDIAKAN OLEH:
PUSAT JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT (PJIM)

PANDUAN PORTFOLIO
BAGI ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI
(STAF AKADEMIK ATAU STAF BUKAN AKADEMIK)

PANDUAN PORTFOLIO
BAGI KATEGORI ANUGERAH KUALITI KERJASAMA INDUSTRI
(STAF AKADEMIK ATAU STAF BUKAN AKADEMIK)

Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM) diwujudkan sebagai penghargaan kepada jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh warga kerja UMPSA terhadap terlibatan dalam aktiviti dan program libatsama industri dan komuniti disamping sebagai pemangkin kepada usaha untuk meningkatkan kebertanggungjawab warganya menyumbang ilmu dan kepakaran pembangunan industri dan komuniti.

Ini selaras dengan hasrat Universiti untuk memberi insentif dan pengiktirafan bagi menggalakkan staf UMPSA supaya terus komitmen padu dalam kegiatan libatsama antara Universiti dengan industri dan komuniti.

Bagi kategori Anugerah Kualiti Kerjasama Industri ianya merupakan suatu pengiktirafan dan penghargaan kepada warga kerja UMPSA yang telah bekerjasama secara aktif dengan industri dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan (semua staf akademik dan dan staf bukan akademik).

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan bertujuan untuk menyumbang ke arah peningkatan kebolehpasaran graduan, perolehan dana, penyelidikan dan inovasi serta penonjolan kekuatan akademik UMPSA.

Peringatan !!!

Apa yang perlu dilakukan oleh calon ialah memberikan bukti kukuh tentang pencapaian projek yang dipertandingkan dan bukti ini hendaklah dalam bentuk dokumen, gambar atau bukti nyata dan kukuh.

Terdapat **dua (2)** bahagian untuk disertakan dalam setiap permohonan.

Setiap permohonan adalah **diwajibkan** untuk menyertakan Portfolio Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (Kategori Anugerah Kualiti Kerjasama Industri).

BAHAGIAN 1

1. Muka hadapan Portfolio
    a) Nama Calon
    b) No. K.P / No. Passport / No. Staf
    c) Kewarganegaraan
    d) Tempoh Khidmat di UMPSA
    e) Pusat Tanggungjawab
    f) Bidang Kepakaran (jika ada)
    g) Ringkasan tentang sumbangan dan pencapaian dalam libatsama industri (tidak melebihi 500 patah perkataan)

BAHAGIAN 2 (KANDUNGAN DAN SUSUNAN PORTFOLIO MESTI MENGIKUT RUBRIK PERMARKAHAN)

BIL	PERKARA	KETERANGAN	CONTOH BUKTI
1	Penarafan	Bilangan kerjasama/libat urus dengan industri mengikut kategori (SME/ PLC /MNC)	▪ Emel, surat , dokumen sokongan
2	Kepimpinan	I. Mempamerkan komitmen yang berterusan dalam melaksanakan projek libatsama universiti-industri yang boleh diukur, relevan, lestari, reflektif dan timbalbalik.	▪ Kehadiran mesyuarat, panggilan mesyuarat dll
		II. Mampu memupuk semangat kesukarelawan dalam kalangan warga UMPSA sebagai penasihat, mentor dan contoh teladan yang mempamerkan kemampuan positif dalam mempengaruhi orang lain untuk melaksanakan projek / aktiviti / program libatsama industri.	▪ Mampu membentuk jawatankuasa kecil/*task force*
		III. Memantapkan komitmen universiti menerusi kecemerlangan kepimpinan dan integrasi amalan libatsama industri.	-
		IV. Menerima pengiktirafan sebagai pemimpin bagi projek/aktiviti/program libatsama industri. Lantikan sebagai Penyelaras / Ketua Projek / Program atau Lain-Lain (perlu dinyatakan)	▪ Surat lantikan, sijil, dll
		V. Keaktifan dalam libatsama industri bagi projek selain projek berimpak tinggi – Contoh: Latihan Industri, Latihan staf, Industry talk, lawatan Industri, Staf Sangkutan atau Mana-mana aktivitiyang berkaitan	▪ Emel, surat , dokumen sokongan
3	Impak Kepada Industri	I. Nyatakan manfaat yang diperolehi oleh industri menerusi pelaksanaan projek/ aktiviti/ program yang dirancang. Contoh: pengurangan kos, penjimatan masa, pengurangan sisa dll)	▪ Laporan, keratan akhbar dll)
		II. Nyatakan bagaimana projek/ aktiviti/ program	▪ Salinan LO, MoU, MoA,

BIL	PERKARA	KETERANGAN	CONTOH BUKTI
		yang dilaksanakan bersama industri mempamerkan elemen kelestarian dalam pelaksanaan projek/ aktiviti/program.	NDA, Testimoni (jika ada)
		III. Bilangan Paten / IPR / Teknologi - merangkumi Paten, Utility Innovation, Industrial Design, Trademark, Copyright, Layout-Design of Integrated Circuit, Lain-lain (perlu dinyatakan)	▪ Surat / dokumen perakuan
4	Dana / Tajaan / Pembiayaan / Perundingan	I. Bilangan dan nilai projek libatsama universiti-industri yang telah dinyatakan a. Nyatakan apa nama projek / aktiviti / program b. Nilai Pembiayaan (RM) – termasuk hadiah, peralatan, kemudahan yang telah dinilaikan (agihan mengikut UMPSA, Industri / Agensi Kerajaan)	-
		II. Jumlah nilai perundingan berbayar (perlu nyatakan jumlah RM / tidak berbayar)	▪ Salinan surat, dokumen ▪ Penyata geran
5	Penerbitan	I. Menunjukkan kesarjanaan libatsama industri dalam penerbitan samada dalam bentuk: a. Buku b. Jurnal c. Modul d. Polisi / Blueprint e. Artikel / Laporan f. Lain-Lain (sila nyatakan)	-
		II. Pembangunan bahan P&P berkaitan libatsama komuniti a. Kursus b. Program c. Modul d. Lain-Lain (sila nyatakan)	▪ Salinan surat, dokumen ▪ Salinan penerbitan
5	Usahasama dan Pengiktirafan (wajaran 20%)	I. Bilangan usahasama yang telah dilakukan bersama industri (nyatakan samada dilaksanakan dalam negara atau luar negara)	▪ Salinan surat, dokumen, laporan teknikal
		II. Penyertaan dalam Industri / badan Profesional (keahlian) – sila nyatakan no. ahli, nama badan profesional, tarikh tamat.	▪ Salinan surat, dokumen
		III. Anugerah dan Pengiktirafan kepakaran dalam bidang libatsama industri a. Pingat b. Sijil Penghargaan c. Surat Sokongan	-

Nota Tambahan:

Setiap maklumat jaringan perlu disertakan bukti

i. MOU /MOA/NDA/LOI
ii. Email /Surat Rasmi/ Minit Mesyuarat
iii. Kertas Kerja/ Laporan
iv. Sijil /Gambar/ Anugerah
v. Hakcipta
vi. Surat Khabar/Journa

PANDUAN PORTFOLIO
BAGI ANUGERAH KUALITI KERJASAMA MASYARAKAT
(STAF AKADEMIK ATAU STAF BUKAN AKADEMIK)

PANDUAN PORTFOLIO
BAGI KATEGORI ANUGERAH KUALITI KERJASAMA MASYARAKAT (STAF AKADEMIK ATAU STAF BUKAN AKADEMIK)

Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (AKIM) diwujudkan sebagai penghargaan kepada jasa dan pengorbanan yang diberikan oleh warga kerja UMPSA terhadap terlibatan dalam aktiviti dan program libatsama industri dan komuniti disamping sebagai pemangkin kepada usaha untuk meningkatkan kebertanggungjawab warganya menyumbang ilmu dan kepakaran pembangunan industri dan komuniti.

Ini selaras dengan hasrat Universiti untuk memberi insentif dan pengiktirafan bagi menggalakkan staf UMPSA supaya terus komitmen padu dalam kegiatan libatsama antara Universiti dengan industri dan komuniti.

Bagi Kategori Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat ianya untuk memberi pengiktirafan kepada individu dikalangan staf akademik dan staf Pengurusan, Profesional & Pelaksana yang aktif dalam persatuan/pertubuhan dalam dan luar UMPSA serta aktif dalam memberi khidmat kepada masyarakat secara sukarela.

Peringatan !!!

Apa yang perlu dilakukan oleh calon ialah memberikan bukti kukuh tentang pencapaian projek yang dipertandingkan dan bukti ini hendaklah dalam bentuk dokumen, gambar atau bukti nyata dan kukuh.

Terdapat **empat (4)** bahagian untuk disertakan dalam setiap permohonan.

Setiap permohonan adalah **diwajibkan** untuk menyertakan Portfolio Anugerah Kecemerlangan Industri & Masyarakat (Kategori Anugerah Kualiti Kerjasama Masyarakat (Staf Akademik dan Staf Bukan Akademik)).

BAHAGIAN 1

1. Muka hadapan Portfolio
    a. Nama Calon
    b. No. K.P / No. Passport / No. Staf
    c. Kewarganegaraan
    d. Tempoh Khidmat di UMPSA
    e. Pusat Tanggungjawab
    f. Bidang Kepakaran (jika ada)
    g. Ringkasan tentang sumbangan dan pencapaian dalam libatsama industri (tidak melebihi 500 patah perkataan)

BAHAGIAN 2 (PENARAFAN) - KANDUNGAN DAN SUSUNAN PORTFOLIO MESTI MENGIKUT RUBRIK PERMARKAHAN

1. Bilangan kerjasama/libat urus dengan komuniti/masyarakat mengikut peringkat Dalaman/ Daerah/ Negeri/ Kebangsaan/ Antarabangsa

BAHAGIAN 3 (KEPIMPINAN)- KANDUNGAN DAN SUSUNAN PORTFOLIO MESTI MENGIKUT RUBRIK PERMARKAHAN

BIL	PERKARA	KETERANGAN	CONTOH BUKTI
1	Keahlian Dalam Persatuan / Pertubuhan di UMPSA	I. Keahlian dalam persatuan / pertubuhan di UMPSA yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Nyatakan status keahlian (jawatan) dan nama persatuan tersebut. II. Skor meliputi status keahlian sebagai Pengerusi/Yang Dipertua (5), Timbalan Pengerusi / TYDP (4), Setiausaha / Bendahari (3), Ahli Jawatankuasa (2) dan Ahli Biasa (1).	▪ Surat lantikan, sijil, dll
2	Kegiatan dalam Persatuan / Pertubuhan di UMPSA	I. Sumbangan dalam aktiviti/kegiatan yang dilaksanakan di dalam UMPSA. Nyatakan peringkat pelaksanaan dan nama program serta sumbangan yang diberikan. II. Penilaian dibuat melalui peringkat pelaksanaan setiap aktiviti yang dilaksanakan iaitu peringkat universiti (2), peringkat fakulti (2), persatuan / kelab / kolej / jabatan (1).	▪ Surat lantikan, sijil, minit mesyuarat
3	Keahlian dalam Persatuan / Pertubuhan Luar UMPSA	I. Keahlian dalam persatuan/pertubuhan sukarela di luar universiti yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Nyatakan status keahlian (jawatan) dan nama persatuan / pertubuhan tersebut. II. Markah / skor meliputi status keahlian sebagai Pengerusi / Yang Dipertua (5), Timbalan Pengerusi / Naib YDP (4), Bendahari / Setiausaha (3) / Ahli Jawatankuasa (2) dan Ahli Biasa (1).	▪ Surat lantikan, sijil minit mesyuarat, surat pengesahan

4	Kegiatan dalam Persatuan / Pertubuhan Luar UMPSA	I. Sumbangan dalam aktiviti/kegiatan yang dilaksanakan di dalam UMPSA. Nyatakan peringkat pelaksanaan dan nama program serta sumbangan yang diberikan. II. Penilaian dibuat melalui peringkat pelaksanaan setiap aktiviti yang dilaksanakan iaitu peringkat antarabangsa (2), Negeri (2), daerah (2), Kampung / Taman (2), komuniti (2).	

BAHAGIAN 3 (KESUKARELAWAN) - KANDUNGAN DAN SUSUNAN PORTFOLIO MESTI MENGIKUT RUBRIK PERMARKAHAN

Bil.	Kategori	Terangkan aktiviti yang dilaksanakan mengikut kategori yang diberikan (*Tidak melebihi 150 patah perkataan bagi setiap aktiviti*)
1.	**Kepimpinan** (penyelaras/penasihat aktiviti, memotivasikan orang lain, mengambil tanggungjawab)	
2.	**Kemahiran berkomunikasi** (proses rundingan, percambahan idea, soal jawab)	
3.	**Kerja berpasukan** (penglibatan pelbagai pihak, bimbingan/mentor, merangsang penglibatan pihak lain, mewujudkan jaringan)	
4.	**Penyelesaian masalah dan membuat keputusan** (kenalpasti keperluan, menterjemahkan idea kepada tindakan, kepekaan kepada persekitaran, akauntabiliti)	

BAHAGIAN 4 (SUMBANGAN / AKTIVITI YANG MEMBERI IMPAK KEPADA KOMUNITI)- KANDUNGAN DAN SUSUNAN PORTFOLIO MESTI MENGIKUT RUBRIK PERMARKAHAN

1. Sila nyatakan perlaksanaan aktiviti/program keterlibatan komuniti yang memberi impak tinggi dalam meningkatkan kesejahteraan hidup komuniti dan meningkatkan sahsiah kakitangan Universiti

    a. Tajuk Program
    b. Objektif & Latar Belakang Projek
    c. Tempoh Pelaksanaan projek (tarikh mula & tarikh tamat)
    d. Nama Ketua Projek & Ahli Projek
    e. Peringkat keterlibatan (pilih satu) – Universiti / Kebangsaan / Antarabangsa
    f. Nama Komuniti Terlibat

BIL	PERKARA	KETERANGAN
1	Memenuhi keperluan komuniti	I. Terangkan tahap penglibatan komuniti yang bermakna sepanjang aktiviti/program (contoh: sesi perundingan dengan komuniti, menjalankan analisa keperluan, menjalankan intervensi untuk pemerkasaan ahli)
		II. Terangkan bagaimana projek melibatkan pelbagai pihak berkepentingan dalaman dan luar universiti seperti staf, pelajar, NGO, industri, agensi kerajaan dan perkongsian kepakaran merentas disiplin, untuk berkongsi / mengurangkan kos pelaksanaan dan meningkatkan impak kepada komuniti.
2	Faedah kepada komuniti	III. Terangkan impak projek terhadap memenuhi keperluan komuniti dan pemerkasaan universiti: a. Pemindahan / Perkongsian Ilmu b. Pembangunan Kapasiti / Training of Trainers (ToT) c. Kualiti Hidup (Contoh: sosio-ekonomi, pendidikan, kesihatan, persekitaran, teknologi)
3	Pelestarian	IV. Terangkan bagaimana projek menunjukkan kepimpinan yang cemerlang dalam keterlibatan dengan membina kepercayaan dan hubungan yang kukuh dengan rakan komuniti, (cth: mewujudkan 'community champion' untuk kelestarian projek)
		V. Jelaskan potensi kerjasama yang wujud hasil perbincangan bersama pemegang taruh (stakeholder)

Nota: sila tambah lampiran sekiranya terdapat lebih dari 1 projek yang hendak dilaporkan

BAHAGIAN 5 (ANUGERAH / PENGHARGAAN YANG PERNAH DIPEROLEHI)- KANDUNGAN DAN SUSUNAN PORTFOLIO MESTI MENGIKUT RUBRIK PERMARKAHAN

1. Anugerah berbentuk pingat/sijil penghargaan/surat sokongan yang berkaitan dengan **khidmat masyarakat / komuniti sahaja**.

2. Skor meliputi jenis anugerah/penghargaan yang diterima pingat (2), sijil penghargaan (2) dan surat sokongan (1).

3. Perlu nyatakan jenis anugerah yang pernah diterima samada di Peringkat Kebangsaan / Antarabangsa (merangkumi pingat / sijil penghargaan / surat sokongan)

Nota Tambahan:

Setiap maklumat jaringan perlu disertakan bukti

i. Bahan bukti aktiviti/projek/program yang dijalankan. Contoh: surat jemputan/tawaran menjalankan projek, aturcara program, laporan, gambar/video, modul, latihan dan lain - lain.
ii. Bahan bukti impak aktiviti/projek/program yang dijalankan. Contoh: testimoni ahli komuniti, gambar/video, ulasan/liputan dalam media massa, jurnal, dsb;
iii. No. keahlian, surat lantikan atau bukti keahlian